

27 JAN 2002

LANGKAWI KINI TERKENAL TEMPAT PENGANJURAN PELBAGAI KEJOHANAN

LANGKAWI, 27 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berpuashati kerana Langkawi kini terkenal sebagai pusat penganjuran pelbagai kejohanan bertaraf antarabangsa.

Walaupun penganjuran kejohanan lumba kart Rotax Max dan Ironman Langkawi diadakan dalam masa yang sama, penyertaan peserta adalah membanggakan, katanya.

Beliau berkata penganjuran bagi perlumbaan lumba kart itu adalah baik kerana bilangan yang datang boleh dibanggakan tetapi ramai lagi yang patutnya datang.

Perlumbaan hari ini hebat. Ia amat menyeronokkan dan persaingan begitu sengit sekali, katanya kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada para pemenang perlumbaan itu.

Claudio Piazza-Musso, pelumba dari South Afrika muncul juara perlumbaan itu yang disertai 34 pelumba.

Mengenai mutu pelumba negara, Perdana Menteri berkata mereka tidak mampu menang serta merta kerana perlu menyertai lebih banyak perlumbaan sebelum boleh mencapai kejayaan.

-- BERNAMA

NH RON